



**JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN
PERLINDUNGAN BAGI LANTIKAN BAHARU SKIM KESELAMATAN DAN
PERTAHANAN AWAM (KP) BAGI PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
GRED KP29 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11**

ILKEM, NILAI 05 OKTOBER 2023 – Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan bagi 210 orang pegawai Lantikan Baharu Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) yang terdiri daripada Sembilan (9) orang pelatih lelaki, dua (2) orang pelatih perempuan bagi jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan 130 orang pelatih lelaki serta 69 orang pelatih perempuan bagi jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP11. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan pada hari ini.

Kursus asas yang dilaksanakan telah bermula pada 11 September 2023 ini merupakan kursus wajib yang harus dilalui oleh setiap pegawai CGSO yang baharu dilantik. Modul latihan yang diguna pakai adalah modul latihan yang dibina

oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) khas untuk kursus asas kali ini. Kesemua pelatih telah didedahkan kepada modul Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan yang melibatkan empat (4) fasa utama seperti berikut:

- i. **Fasa Pertama** : Latihan fizikal, aktiviti pengukuhan peribadi dan kumpulan;
- ii. **Fasa Kedua** : Ilmu-ilmu asas dan pengetahuan berkaitan fungsi serta tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam;
- iii. **Fasa Ketiga** : Aktiviti - aktiviti berkumpulan bagi mengembangkan potensi dan minat para pelatih dalam perkhidmatan awam; dan
- iv. **Fasa Keempat** : Ujian dan penilaian potensi diri para pelatih

Kesemua pelatih yang telah selesai menjalani Kursus Asas Keselamatan Perlindungan ini akan dihantar ke tempat bertugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan seluruh negara yang mempunyai perjawatan Pegawai Kader CGSO.

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail pada ucapan beliau ketika Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan menekankan berkenaan cabaran utama CGSO yang terdiri daripada empat (4) aspek utama iaitu **pengurusan, sumber manusia, teknologi dan proses**.

i. Pengurusan

Tadbir urus pengurusan keselamatan perlindungan sektor awam untuk mewujudkan Bahagian Keselamatan Perlindungan (BKEP). BKEP akan dapat memperkasakan pengurusan keselamatan perlindungan di peringkat

dasar. Selain itu, membudayakan keselamatan perlindungan yang komprehensif dalam sektor awam contohnya Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan, Inspektorat Keselamatan Perlindungan di dalam negara dan luar negara serta latihan.

ii. Sumber Manusia

Bagi memastikan kepakaran CGSO yang berdaya saing setanding dengan piawaian antarabangsa dan mengoptimumkan modal insan kumpulan Pengurusan dan Profesional di CGSO ke arah pemantapan perkhidmatan.

iii. Teknologi

Kompleksiti perkembangan teknologi khususnya keselamatan siber juga merupakan cabaran yang besar buat CGSO. Kita perlu mengadaptasi teknologi baru bagi menyokong penyampaian perkhidmatan organisasi dalam persekitaran yang selamat dan terkawal.

iv. Proses

CGSO juga sentiasa mengkaji akta dan peraturan agar relevan dengan ancaman dan cabaran semasa. Sistem keselamatan ICT Kementerian / Jabatan Kerajaan juga sentiasa diperhalusi dan ditambah baik.

Di dalam ucapan tersebut, beliau juga turut memberikan contoh pelanggaran siber yang berlaku sepanjang tempoh 1 Ogos 2023 sehingga 31 Ogos 2023, terdapat 510 laporan insiden keselamatan siber yang dirujuk kepada *Cyber Security Malaysia* (CSM). Jumlah keseluruhan insiden keselamatan siber yang dirujuk kepada CSM bagi tempoh Januari hingga Ogos 2023 adalah 3,837 insiden

berbanding 5,217 insiden bagi tempoh sama pada tahun 2022. Ini merupakan penurunan sebanyak 26.45%.

Butiran adalah seperti berikut:

INSIDEN		JUMLAH
Aduan Kandungan		
i)	Penipuan	322
ii)	Berkaitan kandungan	72
Insiden Teknikal		
i)	Pencerobohan	49
ii)	Kod berbahaya	27
iii)	Cubaan pencerobohan	23
iv)	Spam	9
v)	Kerentanan	6
vii)	Gangguan perkhidmatan	2

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan juga **menyeru dan menggesa** orang awam untuk memastikan setiap panggilan telefon yang diterima dari orang yang tidak dikenali dibuat **semakan dan disahkan daripada pihak berkuasa** seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengelak kes penipuan secara atas talian.

Justeru itu, **semua jabatan/ agensi Kerajaan perlu memainkan peranan penting** serta perlu merujuk **Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan sebagai Agensi Pusat** yang mempunyai tanggungjawab yang begitu penting dalam meneraju dan memacu pembangunan pengurusan Keselamatan

Perlindungan yang meliputi keselamatan fizikal, keselamatan dokumen/ maklumat, keselamatan dalam persekitaran ICT dan keselamatan peribadi serta Sasaran Penting Negara yang melibatkan aset Kerajaan mahupun swasta.

Disediakan oleh :

Bahagian Penyelarasan dan Korporat

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)

Jabatan Perdana Menteri (JPM)